

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 3 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 7**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1551-L16219  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam mempromosikan bidang TVET kepada masyarakat luar bandar dan di kawasan pedalaman yang kurang mendapat maklumat terhadap bidang tersebut.
  
2. PN-1551-L15644  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
  - (a) apakah mekanisme pemantauan yang digariskan kerajaan bagi memastikan inisiatif pendidikan percuma PTPTN kepada 10,000 pelajar miskin benar-benar memanfaatkan kumpulan sasar; dan
  
  - (b) langkah kawalan bagi mengelakkan keciciran, salah guna kelayakan dan pertindihan bantuan kewangan sedia ada.
  
3. PN-1551-L16421  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dasar rasmi Kerajaan berhubung penggunaan mesin peniup daun oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan kontraktor pembersihan, serta adakah sebarang kajian impak kesihatan dan alam sekitar yang telah dijalankan sebelum kaedah ini dibenarkan secara meluas.

4. PN-1551-L15670  
**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah persiapan Malaysia bagi menjadi tuan rumah Sukan SEA bagi tahun 2027 dan apakah perancangan yang dibuat bagi membolehkan atlet Malaysia mencapai pungutan pingat terbaik dalam pesta sukan yang bakal dianjurkan ini.
5. PN-1551-L15619  
**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pencapaian Program Jalan Luar Bandar di pedalaman Sabah sehingga tahun 2025.
6. PN-1551-L15973  
**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
  - (a) berapakah jumlah pakej projek Pan Borneo Sabah yang lewat siap melebihi jadual asal, apakah puncanya dan berapakah nilai penalti LAD yang dikenakan setakat ini; dan
  - (b) apakah kesan kelewatan projek Pan Borneo Sabah terhadap mobiliti rakyat, kos logistik, dan pertumbuhan ekonomi negeri, serta apakah langkah sementara bagi mengurangkan gangguan kepada pengguna jalan raya dan industri perdagangan.
7. PN-1551-L15692  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rancangan serta langkah-langkah yang diambil bagi menggalakkan penyertaan belia, khususnya di luar institusi pengajian tinggi dalam persatuan kemasyarakatan dan kebudayaan bagi memastikan golongan belia di negara ini dapat menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara, di samping membentuk mereka sebagai barisan pemimpin pelapis dalam pelbagai bidang dan peringkat serta membendung penglibatan mereka dalam kegiatan negatif.
8. PN-1551-L16037  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-
  - (a) status pelaksanaan pendekatan pelesenan dan kebertanggungjawaban platform besar dan bagaimana perlindungan kanak-kanak dan keluarga dipastikan; dan
  - (b) sama ada Kerajaan akan memperkenalkan rangka kerja khusus menangani AI, *deepfake* dan fitnah digital, selaras penekanan Sultan Selangor tentang risiko penyalahgunaan teknologi.

9. PN-1551-L16061

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi diplomatik semasa negara bagi memelihara kedaulatan negara khususnya yang melibatkan pertikaian maritim antara Malaysia dan Indonesia di Selat Melaka yang walaupun telah dipersetujui persempadanan maritimnya tapi seringkali dicerobohi, termasuk juga pencerobohan ruang maritim di Laut China Selatan oleh nelayan Vietnam, Thailand dan Filipina, tekanan geopolitik dan tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang tidak pernah dapat dirungkaikan.

10. PN-1551-L15592

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data terkini mengenai jumlah kemalangan yang berlaku di plaza tol di seluruh negara bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini, dan apakah punca utama kemalangan tersebut.

11. PN-1551-L16258

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah baharu Kerajaan untuk menyekat laman web pornografi yang terus berleluasa.

12. PN-1551-L16137

**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh mana Kerajaan dapat meningkatkan keupayaan kapasiti Tadika Perpaduan bagi menerima murid 5 tahun ke kelas Pra Sekolah pada 2026 seiring dengan pertumbuhan permintaan ekoran kemasukan ke Tahun 1 2027 pada umur 6 Tahun.

13. PN-1551-L16194

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pandangan Kementerian berhubung sejauh manakah perancangan dan reka bentuk jalan dalam mengambil kira pertumbuhan pesat bandar dan pertumbuhan kenderaan dalam menangani kesesakan lalu lintas di bandar-bandar utama Malaysia.

14. PN-1551-L15797

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan kos pelaksanaan sebenar kempen Kementerian sepanjang tahun 2025 dan awal 2026 yang bertujuan menggerakkan ekonomi tempatan melalui program Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) serta nyatakan statistik penerima manfaat mengikut negeri dan ukuran objektif yang digunakan untuk menilai keberkesanan kempen ini.

15. PN-1551-L15818  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah dasar Kerajaan bagi perumahan luar bandar yang menjamin keselamatan, kebersihan dan kemudahan asas di penempatan tradisional.
16. PN-1551-L15889  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tahap keberkesanan sistem kebolehsasaran digital yang dibangunkan oleh Kementerian dalam membantu pekebun kecil memenuhi keperluan ketat EU Deforestation Regulation (EUDR) serta sokongan teknikal dan kewangan khusus bagi memastikan hasil mereka tidak disekat memasuki pasaran Kesatuan Eropah antarabangsa semasa.
17. PN-1551-L16387  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan inisiatif UDA di bawah KUSKOP bagi memperluas penyertaan usahawan tempatan melalui program pembangunan kapasiti, geran dan akses pasaran.
18. PN-1551-L16409  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah penerima biasiswa dari tahun 2020 sehingga kini berserta pecahan kategori pendapatan isi rumah (B40, M40 dan T20) serta bilangan pelajar di Sabah yang berjaya ditawarkan biasiswa peringkat antarabangsa.
19. PN-1551-L15741  
**Senator Dato' Ng Keng Heng** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status terkini kerjasama antara Kerajaan dengan syarikat terkemuka ARM Holdings dan bolehkah Kerajaan memberikan butiran mengenai program sokongan kepada kluster industri baharu termasuk insentif kewangan, fasiliti pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta potensi perkongsian antarabangsa yang bakal diperolehi melalui kerjasama ini.
20. PN-1551-L16108  
**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana langkah Kerajaan membangunkan sukan Softball di Malaysia memandangkan sukan ini telah menjadi sukan teras negara.

21. PN-1551-L16270

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian memastikan pembekuan perolehan aset yang diumumkan tidak menjejaskan kedaulatan di Zon Ekonomi Eksklusif dan sempadan negara; dan
- (b) apakah jaminan bahawa kontrak pertahanan masa depan akan diberikan terus kepada pembuat asal (OEM) atau vendor tempatan yang mempunyai merit teknikal.

22. PN-1551-L16324

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian dan tindakan diplomatik yang telah diambil oleh Malaysia di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berikutan serangan ketenteraan unilateral Amerika Syarikat ke atas Venezuela pada 3 Januari 2026 lalu yang telah mencabuli kedaulatan negara tersebut.

23. PN-1551-L16013

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah belia desa yang berjaya memperoleh pekerjaan bergaji munasabah hasil program latihan di bawah Kementerian bukan sekadar latihan jangka pendek.

24. PN-1551-L15862

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan keberkesanan sebenar penguatkuasaan harga kawalan memandangkan aduan kenaikan harga makanan masih tinggi walaupun subsidi diteruskan.

25. PN-1551-L16184

**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah individu Program Bantuan Subsidi MADANI Agri-Komoditi (BUDI Agri-Komoditi) sehingga Januari 2026 dan berapakah jumlah tanggungan serta jumlah implikasi kewangannya.

26. PN-1551-L15996

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) berapakah peratus graduan universiti awam yang bekerja di luar bidang pengajian selepas dua tahun bergraduasi dan apakah implikasi kepada struktur ekonomi negara; dan

- (b) adakah Kerajaan akan menilai semula model universiti berasaskan kuantiti graduan berbanding kebolehpasaran sebenar.
27. PN-1551-L16218  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membuka pusat sukan elektronik di setiap negeri sebagai platform sukan masa kini bagi golongan belia berkecimpung secara aktif dalam arena sukan elektronik yang kini mendapat sambutan positif di seluruh negara.
28. PN-1551-L15830  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan selain daripada keupayaan ketenteraan konvensional, adakah diplomasi pertahanan Malaysia pada masa ini mencukupi untuk melindungi kepentingan dan kedaulatan negara di tengah-tengah ketegangan geopolitik serantau.
29. PN-1551-L15743  
**Senator Dato' Ng Keng Heng** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk mengawal selia proses pengesahan umur (*age verification*) bagi platform-platform media sosial memandangkan proses ini melibatkan pendedahan butiran peribadi warganegara kepada platform asing yang berpangkalan di luar negara serta bolehkah Kerajaan memberikan butiran yang diperolehi daripada sesi libat urus berkenaan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025.
30. PN-1551-L15781  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan dikaji semula bagi mencerminkan intensiti modal, skala, dan produktiviti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan moden, termasuk kriteria cadangan, anggaran garis masa serta rancangan perundingan dengan pihak berkepentingan.
31. PN-1551-L16357  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah usaha untuk hidupkan semula Akta Keharmonian Nasional yang pernah dibawa semasa pemerintahan Datuk Seri Najib Tun Razak oleh Jawatankuasa Konsultatif Perpaduan Nasional (NUCC).

32. PN-1551-L15566  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah tender bagi projek bekalan air Ulu Sebetan, Ibus, Tapang Ujan dan Mudong di Krian telah dikeluarkan seperti jawapan yang diberikan dalam Dewan pada persidangan Disember 2025.
33. PN-1551-L15594  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah menyeluruh yang dapat dilaksanakan bagi menyelaraskan tindakan antara Kementerian dalam menangani peningkatan kos sara hidup rakyat secara berkesan.
34. PN-1551-L15568  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah definisi negara berkecuali yang menjadi polisi utama diamalkan oleh Kerajaan Malaysia bagi memastikan rakyat tidak keliru apabila pemimpin negara mengeluarkan kenyataan rasmi berkaitan.
35. PN-1551-L15930  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan impak European Union Deforestation Regulation (EUDR) terhadap pekebun kecil dan pengusaha agrikomoditi serta mekanisme sokongan yang disediakan bagi mengelakkan peningkatan kos pematuhan.
36. PN-1551-L15612  
**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status penempatan aset keselamatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE).
37. PN-1551-L16131  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah pro aktif yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan segala bantuan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada golongan B40 dan yang selayaknya untuk menerima tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak layak untuk menerimanya.
38. PN-1551-L15894  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-  
(a) statistik terkini mengikut negeri mengenai jumlah rumah ibadat bukan Islam yang dibina atas tanah haram; dan

- (b) apakah tindakan tegas yang diambil terhadap pihak yang sengaja membina struktur tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengelakkan isu ini berlarutan.
39. PN-1551-L16309  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tujuan utama sambutan Hari Keselamatan Internet yang disambut pada 8 Februari setiap tahun, serta sejauh manakah kempen dan inisiatif yang dilaksanakan berjaya meningkatkan tahap kesedaran rakyat mengenai keselamatan siber dan penggunaan internet secara beretika dan bertanggungjawab.
40. PN-1551-L16078  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan peranan serta pendekatan strategik Kementerian dalam menyokong pelaksanaan inisiatif Kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global khususnya dalam memastikan pembangunan industri halal menyumbang secara inklusif kepada kemajuan sosioekonomi komuniti desa dan wilayah.
41. PN-1551-L16166  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan kedutaan di Suriname memandangkan semakin ramai pekerja pergi ke Suriname dengan adanya pelaburan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) di sana.
42. PN-1551-L16150  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah komprehensif Kementerian bagi memastikan harga barangan keperluan asas kekal terkawal dan bekalan mencukupi sempena perayaan Aidilfitri dan Aidiladha termasuk dari segi pemantauan harga, penguatkuasaan serta penyelarasan rantai bekalan makanan.
43. PN-1551-L16275  
**Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa identiti dan kebajikan guru Tingkatan 6 di sekolah menengah sedia ada tidak terabai, dan bagaimanakah penyelarasan kurikulum dilakukan agar tiada pertindihan silibus berikutan langkah Kementerian mengambil alih sepenuhnya sistem Pra-Universiti.

44. PN-1551-L16025

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendekatan Kementerian bagi menangani masalah penyelenggaraan lemah dan tunggakan yuran dalam perumahan berstrata khususnya rumah kos rendah.

45. PN-1551-L15711

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pembaharuan segera yang akan dilaksanakan untuk memastikan perolehan pertahanan dan keselamatan lebih telus, kompetitif dan tertakluk kepada undang-undang perolehan dan tadbir urus kewangan memandangkan banyak kes rasuah peringkat tinggi sering melibatkan perolehan atau kontrak.

46. PN-1551-L16149

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan terperinci Kerajaan bagi pelaksanaan Sukan SEA 2027 di Malaysia khususnya dari segi penetapan negeri terlibat, penyediaan infrastruktur dan fasiliti sukan, peruntukan kewangan, strategi pembangunan atlet kebangsaan, penglibatan sektor swasta serta langkah-langkah untuk memastikan penganjuran temasya tersebut memberi impak ekonomi dan pembangunan sukan jangka panjang kepada negara.

47. PN-1551-L15601

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah skandal yang melibatkan Panglima Angkatan Tentera memberi kesan kepada pertahanan negara; dan
- (b) kesanggupan Kerajaan menilai kewujudan kartel dalam Angkatan Tentera Malaysia.

48. PN-1551-L16422

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) mengapa kaedah pembersihan secara meniup habuk dipilih berbanding kaedah menyapu dan mengutip secara manual; dan
- (b) adakah faktor kos kontrak mengatasi pertimbangan kesihatan awam.

49. PN-1551-L15716  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi diplomasi spesifik yang diguna pakai oleh Wisma Putra, dalam penyelarasan dengan MITI dan MIDA, untuk memposisikan Malaysia bukan sekadar penerima manfaat strategi 'China+1' tetapi sebagai destinasi utama bagi pelaburan strategik berkualiti tinggi.
50. PN-1551-L16365  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan siapakah penerima Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di kawasan Parlimen Sarikei dan Bintulu yang telah diluluskan bagi tahun 2023 hingga 2025, serta apakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap penerima.
51. PN-1551-L15815  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif afirmatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kemasukan, penyediaan pembiayaan, serta kadar tamat pengajian pelajar dari kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.
52. PN-1551-L15853  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan melalui JAKOA bercadang untuk mengkaji dan membangunkan program atau kursus bersesuaian bagi pemrosesan ubat-ubatan tradisional berasaskan akar kayu masyarakat Orang Asli ke arah pemodenan dan pematuhan standard termasuk penghasilan produk seperti kapsul, salap dan minyak urutan herba sebagai usaha menjana ekonomi komuniti.
53. PN-1551-L16377  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperketat kawal selia atau sekatan terhadap aplikasi digital yang menyumbang kepada keruntuhan moral dan gejala sosial dalam kalangan masyarakat.
54. PN-1551-L15863  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah stok rumah tidak terjual masih tinggi walaupun isu kemampuan memiliki rumah semakin kritikal.

55. PN-1551-L16284

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan khusus Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) untuk merancang lagi pembangunan sosial dan aktiviti ekonomi di kawasan sempadan Perlis-Thailand agar limbahnya dapat memberi manfaat kepada rakyat setempat.

56. PN-1551-L16105

**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menambah geran penyelidikan terutamanya kepada lima Universiti Penyelidikan (RU) di Malaysia.

57. PN-1551-L15534

**Senator Tuan Niran Tan Kran** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah bilangan isi rumah miskin tegar dalam kalangan masyarakat Bumiputera Siam yang telah menerima manfaat daripada Program Pembasmian Kemiskinan Tegar setakat Disember 2025.

58. PN-1551-L15858

**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan geran penyelidikan dan pembangunan modul kepada masyarakat Orang Asli merangkumi bidang kepimpinan, pendidikan, kemahiran, kesihatan dan ekonomi kreatif dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan agensi berkaitan bagi menyokong pembangunan komuniti secara holistik.

59. PN-1551-L16292

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah hasil perbincangan KPT dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi meneliti aspek teknikal berkaitan pengiktirafan kelulusan pendidikan membabitkan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah serta adakah pelajar UEC akan diterima masuk ke IPTA dengan perubahan dasar baru ini.

60. PN-1551-L16395

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah sehingga kini penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 masih belum dilaksanakan di Wilayah Sabah, dan apakah perancangan serta hala tuju Perbadanan PR1MA Malaysia berkaitan perbelanjaan pengurusan dan penyelenggaraan skim strata, khususnya di Sabah.

61. PN-1551-L16242  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang telah berjaya mencapai pendapatan setara gaji minimum bagi tahun 2024 dan 2025.
62. PN-1551-L15989  
**Senator Dato' Leong Ngah Ngah** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan serangan zalim ini dihentikan memandangkan Malaysia telah menyatakan pendirian tegas menentang serangan Israel ke atas Gaza.
63. PN-1551-L15629  
**Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah unit rumah yang diperuntukkan khas untuk golongan OKU di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR), Skim Perumahan Mampu Milik (SPMM) dan Perumahan PR1MA bagi tahun 2026.
64. PN-1551-L15896  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) jumlah tan metrik lebih makanan yang diselamatkan daripada sektor perhotelan dan pasar raya besar bagi tahun 2023 hingga 2025; dan
  - (b) pelan strategik untuk mewajibkan pengasingan sisa makanan bagi pemain industri berskala besar agar mengurangkan pembaziran.
65. PN-1551-L15532  
**Senator Tuan Niran Tan Kran** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah peruntukan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera turut disalurkan kepada masyarakat Bumiputera Siam, dan jika ya, berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan serta dibelanjakan untuk masyarakat Bumiputera Siam setakat ini.

66. PN-1551-L16321

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perancangan Malaysia menggerakkan suara kolektif Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi membantah campur tangan Amerika Syarikat dalam urusan dalaman Iran serta menentang cubaan pertukaran Kerajaan secara paksa yang menggugat kestabilan Timur Tengah.

67. PN-1551-L16318

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah rumah bertanah *landed property* akan turut tertakluk kepada Akta Pembaharuan Semula Bandar.

68. PN-1551-L15691

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi melaksanakan program pengurniaan ijazah bersama antara institusi pengajian tinggi di negara ini dengan institusi pengajian tinggi di luar negara, dalam usaha membentuk kolaborasi ilmiah yang berimpak tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa.

69. PN-1551-L15801

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan kutipan Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) sejak penubuhannya, jumlah yang telah disalurkan, baki semasa serta perincian pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan pengurusan dan penyaluran dana dibuat secara telus, berintegriti dan bebas daripada sebarang ketirisan.

70. PN-1551-L15912

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah indikator khusus yang digunakan oleh Kementerian untuk mengukur kejayaan pembangunan sosioekonomi komuniti Orang Asli; dan
- (b) apakah perancangan khusus kepada masyarakat Orang Asli untuk mengurangkan kadar kemiskinan tegar.

71. PN-1551-L15922

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kaedah penyelarasan kemasukan ke peringkat prauniversiti selepas penstrukturan termasuk syarat kemasukan ke universiti, jaminan kesaksamaan peluang antara lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan Program Matrikulasi, pengurusan kuota, serta mekanisme rayuan bagi pelajar.

72. PN-1551-L16019

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan usaha Kementerian menyelaraskan dasar ekonomi antara Kementerian supaya tidak berlaku pertindihan atau percanggahan dasar.

73. PN-1551-L16180

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kementerian bagi menangani isu kemampuan pemilikan rumah khususnya dalam kalangan golongan B40 dan M40 yang berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup dan harga hartanah semasa yang semakin meningkat.

74. PN-1551-L16005

**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pelan jangka panjang Kerajaan untuk menangani penuaan penduduk, termasuk implikasi fiskal terhadap sistem kesihatan, pencen dan perlindungan sosial.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Senator Tuan Niran Tan Kran** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 2 Mac 2026 ]**

- |    |                 |  |                               |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | ( D.R.44/2025 ) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|----|-----------------|--|-------------------------------|

**[ Jabatan Perdana Menteri ]**

- |    |                |  |                               |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 3. | ( D.R.1/2026 ) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|----|----------------|--|-------------------------------|

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

- |    |                 |  |                                 |
|----|-----------------|--|---------------------------------|
| 4. | *( D.R.4/2026 ) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2026 | <b>Bacaan Kali Yang Pertama</b> |
|----|-----------------|--|---------------------------------|

**[ Jabatan Perdana Menteri ]**

5. \*( D.R.5/2026 ) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (N0.2) 2026 **Bacaan Kali Yang Pertama**

**[ Jabatan Perdana Menteri ]**

6. ( D.R.2/2026 ) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

7. \*( D.R.3/2026 ) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026 **Bacaan Kali Yang Pertama**

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

8. \*( D.R.6/2026 ) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2025) 2026 **Bacaan Kali Yang Pertama**

**[ Menteri Kewangan ]**

9. ( D.R.33/2025 ) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.